

Guna kuasa sebagai pengguna – Abdullah

UM - 22/5/2007.

PUTRAJAYA 21 Mei – Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini meminta rakyat menggunakan kuasa mereka sebagai pengguna secara bijaksana dengan mendedahkan para peniaga yang menaikkan harga barang.

Beliau menegaskan, para pengguna perlu melaporkan kepada pihak penguat kuasa jika ada peniaga yang berbuat demikian dengan sewenang-wenangnya.

Laporan mengenai kenaikan harga barang sudah pun bermula akhir-akhir ini dan ada yang menuduh pihak peniaga menaikkan harga dengan sewenang-wenangnya.

“Para pengguna perlu menggunakan kuasa mereka sebagai pengguna secara bijaksana dengan mendedahkan peniaga yang tidak bertanggungjawab supaya para peng-

guna lain tidak lagi berurusan dengan peniaga sedemikian.

“Laporkan kepada pihak penguat kuasa dan membelanjalah di tempat lain. Jadilah pengguna yang berhemat,” tegasnya ketika berucap pada Perhimpunan Hari Pekerja Sektor Awam 2007 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) di sini.

Abdullah pada majlis yang sama mengumumkan kenaikan gaji kakitangan awam antara 7.5 hingga 35 peratus berkuat kuasa 1 Julai ini.

Menurut Abdullah lagi, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ekwil Pengguna juga harus meningkatkan pemantauan serta mendidik pengguna tentang hak dan kuasa mereka.

Katanya, Kabinet telah membuat kepu-

tusan untuk mempertingkatkan kebolehan dan kemampuan kementerian berkenaan bagi membendung perbuatan menaikkan harga barang.

“Kita mesti awasi harga barang. Pastikan harga barang berada pada paras yang tidak dinaikkan. Saya harap lepas pengumuman ini tidak ada perbuatan menyorok barang atau peniaga sengaja nak penaik harga barang,” tegasnya.

Abdullah turut meminta orang ramai supaya menjadi pengguna berhemat dan tidak boros berbelanja berikutan kenaikan gaji yang diumumkan itu.

“Kita mesti jadi pengguna berhemat. Jangan mentang-mentang ada duit sikit belanja sampai lupa diri. Ini penting,” katanya lagi.

Bernama dalam laporannya 14 Mei lalu melaporkan belum pun kenaikan gaji kakitangan awam diumumkan oleh kerajaan, beberapa harga barangan runcit keperluan makanan didapati sudah naik antara lima hingga 10 peratus.

Tinjauan di beberapa kedai runcit dan borong selain temu ramah dengan pengguna di tiga bandar utama mendapati pelbagai alasan diberikan penjual bagi mewajarkan harga barangan dinaikkan.

Antara alasan yang diberikan ialah harga dinaikkan pengilang, maka pemborong tiada pilihan dan terpaksa menjual pada harga yang lebih tinggi kepada peruncit.

Pengguna pula merungut kerana harga barangan naik tanpa amaran dan pada kadar tidak munasabah.